Noraisah Nurul Fatwa Mohd Razali
Guru Bahasa Kanan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Karya Kreatif

Doa di Laut Perjuangan

Di ufuk laut terbentang biru,
terbawa doa anak bangsa,
layar Sumud Global Flotilla berarak syahdu,
menyulam tekad, menentang duka.

Wahai pejuang dari tanah bonda,
dengan hati suci kau melangkah,
membawa amanah, suara merdeka,
agar dunia sedar, agar jiwa terbuka.

Jika hendak dibanding kerisauan kami di sini,
risau lagi ahli keluarga yang menunggu.
Jika hendak dibanding dengan kekuatan
keluarga yang menanti,
sungguh kuat lagi pejuang di dalam misi.

Moga lautan jadi sahabat,
moga angin jadi penuntun,
moga doa rakyat tak berhenti memanggil,
"Ya Allah, lindungi mereka dari fitnah dan
bahaya,
kembalikanlah mereka dalam damai dan mulia."

Jika gelombang menguji sabar,
ingatlah bumi ini milik Yang Esa,
tiada perjalanan sia-sia,
selagi niat kerana-Nya.

Pejuang Malaysia,
kau bukan sekadar penumpang ombak,
kau adalah nadi perjuangan umat,
kau pulanglah dengan selamat,
dengan doa yang tak pernah putus,
dengan cinta yang menunggu di tanah air tercinta.

"وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ"
(Janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu bersedih hati;
kamu paling tinggi darjatnya, jika kamu orang-orang beriman. – Al-Imran: 139)

ECO-CAMPUS GREEN TEAM

TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT

Kejuruteraan • Teknologi • Kreativiti Study@UMPSA

Creative Work

Doa di Laut Perjuangan

3 October 2025

- 17 views

View PDF